




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT
CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 27 (3 JULAI – 9 JULAI 2022)

STATUS TERKINI PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengumumkan bahawa secara keseluruhan, **jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan** (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk menunjukkan **tiada perubahan** pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-27 tahun 2022 (ME 27/2022) berbanding ME 26/2022 **(Rajah 1)**;



Rajah 1: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk dari ME 1/2022 sehingga ME 27/2022

Walaupun bagaimanapun, **jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk didapati meningkat sebanyak 15 peratus (Rajah 2);**


- Pesakit kategori 1 dan 2 **meningkat** sebanyak 14 peratus; manakala
- Pesakit kategori 3, 4, dan 5, **meningkat** sebanyak 17 peratus.



Rajah 2: Taburan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 mengikut kategori ke hospital awam mengikut kategori bagi setiap 100,000 populasi dari ME 1/2022 hingga ME 27/2022


Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 berbanding ME-26/2022 (**Rajah 3**):

- Katil bukan kritikal, **tiada perubahan**;
- Katil Unit Rawatan Rapi (ICU), **meningkat** sebanyak satu peratus; dan
- Katil Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), **meningkat** sebanyak dua peratus.



Rajah 3: Peratusan pengisian katil fasiliti COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 27/2022

Jumlah **pesakit** memerlukan **alat bantuan pernafasan (ABP)** meningkat sebanyak **0.1 peratus (Rajah 4):**




Rajah 4: Peratus pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan dari ME 1/2022 hingga ME 27/2022

PEMANTAUAN COVID-19 DI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

KKM juga ingin memaklumkan jumlah kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara juga telah menunjukkan peningkatan.


Berikut adalah perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 26/2022 dan ME 27/2022 (**Rajah 5**):

- Bilangan kedatangan pesakit ke CAC meningkat sebanyak **27.8 peratus**;
- Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat sebanyak **12.6 peratus**; dan
- Bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke PKRC dan ke hospital meningkat sebanyak **67.5 peratus**.



Rajah 5: Trend kedatangan pesakit ke CAC fizikal, kes baharu COVID-19 menjalani pemantauan di rumah dan kes rujukan CAC ke PKRC atau hospital dari ME 10/2022 hingga ME 27/2022

Untuk trend kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 27/2022 ianya meningkat 23.4 peratus berbanding pada akhir ME 26/2022 (dari 43,203 kes kepada 53,306 kes); seperti di **Rajah 6:**



Rajah 6: Trend kes aktif COVID-19 di bawah pemantauan CAC Maya berdasarkan keadaan klinikal pesakit dari ME 1/2022 hingga ME 27/2022


STATUS TERKINI KES COVID-19

Dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 9 Julai 2022 (ME 27/2022), situasi terkini COVID-19 adalah seperti berikut:


- Kumulatif kes baharu: **4,592,710**;
- Kumulatif kes sembuh: **4,521,579 kes**;
- Kumulatif kes kematian: **35,809 kes**; dan
- Kumulatif kluster: **7,026 kluster (kluster aktif: 13 kluster)**.

Perbandingan antara ME 26/2022 dan ME 27/2022:


- **Bilangan kes sembuh** pada ME 26/2022 **meningkat** sebanyak **14.6 peratus** (14,293 kes kepada 16,379 kes) **Rajah 7**;
- **Bilangan kes baharu** pada ME 26/2022 **meningkat** sebanyak **27.9 peratus** (16,694 kes kepada 21,355 kes) **Rajah 8**;
 - **Bilangan kes tempatan** meningkat sebanyak **28.1 peratus** (16,650 kes kepada 21,325 kes); dan
 - **Bilangan kes import** menurun sebanyak **31.8 peratus** (44 kes kepada 30 kes).
- **Bilangan kes kematian** pada ME 27/2022 menunjukkan **peningkatan** sebanyak **46.2 peratus** (26 kes kepada 38 kes) berbanding ME 26/2022; dan
- **Purata kes aktif** setiap hari bagi ME 27/2022 adalah 32,145 iaitu terdapat **peningkatan** sebanyak **11.0 peratus** berbanding minggu sebelumnya (**Rajah 9**).



Rajah 7: Taburan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 sehingga ME 27/2022




Rajah 8: Taburan kes baharu, kes tempatan, dan kes import COVID-19 sehingga ME 27/2022



Rajah 9: Purata 7 hari kes aktif harian COVID-19 dari ME1/2022 hingga ME 27/2022

NILAI RT

Purata nilai R_T juga menunjukkan **peningkatan sebanyak 4.8 peratus** pada ME 27/2022 berbanding ME 26/2022 (**Rajah 10**).




Rajah 10: Purata Nilai R_T tahun 2022 sehingga ME 27/2022

SURVELAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) DAN SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI) BAGI COVID-19

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga ME 27/2022, hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati:

- Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 pada ME 27/2022 **meningkat sebanyak 94.5 peratus** daripada 5.5 peratus pada ME 26/2022 kepada 10.7 peratus pada ME 27/2022 (**Rajah 11**); dan
- Kadar positif sampel SARI bagi COVID-19 **kekalkan** 0 peratus pada ME 27/2022 (**Rajah 12**).



Rajah 11: Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 dari klinik kesihatan sentinel sehingga ME 27/2022

demikian, masyarakat digalakkan untuk melakukan ujian sendiri sebelum pulang ke kampung untuk beraya.

Walaupun pemakaian pelitup muka di kawasan luar bangunan tidak diwajibkan lagi, namun orang ramai dinasihatkan supaya memakai pelitup muka di kawasan sesak bagi melindungi golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak dari dijangkiti COVID-19.

Selain itu, KKM juga ingin menasihatkan orang ramai untuk mendapat rehat yang cukup sebelum memulakan perjalanan. Pandu dengan cermat dan tenang, serta lakukan pemeriksaan kenderaan sebelum memulakan perjalanan.

Akhir sekali, KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam. Diharapkan agar kesemua jemaah haji Malaysia diberikan kesihatan untuk menunaikan ibadah dengan sempurna.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Sejak 1 April 2022, Malaysia telah berada di dalam Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam. Peralihan fasa ini juga disebabkan oleh kejayaan program vaksinasi COVID-19 di seluruh negara.

Walaupun demikian, KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S;**
- **Amalkan 3W;**
- **Amalkan TRIIS;**
- Jalani ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A** dan bukan **berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;

- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2A ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Individu yang belum menerima vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Julai 2022 @ 10.00 pagi